

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.06.2015

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan GST yang dikutip oleh Kerajaan pada bulan April 2015. Nyatakan juga jumlah kutipan SST yang diterima dalam tempoh bulan Januari 2015 hingga Mac 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah GST yang dikutip untuk bulan April 2015 adalah sebanyak RM1.254 bilion iaitu merupakan GST import sahaja. Manakala bagi GST tempatan serta kutipan bersih hasil GST setelah ditolak dengan kredit cukai input belum dapat dimuktamadkan kerana penyata GST-03 bagi perniagaan di bawah tempoh bercukai bulanan akan hanya dikemukakan sebelum atau pada penghujung bulan berikutnya dan perniagaan yang mempunyai tempoh bercukai tiga bulan akan hanya mengemukakan penyata GST-03 sebelum atau pada akhir bulan berikutnya. Sehubungan dengan itu, kutipan hasil GST bagi kedua-dua tempoh bercukai bagi bulan April, Mei dan Jun hanya akan dapat dimuktamadkan selepas 31 Julai 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan bagi tempoh tiga bulan pertama 2015, iaitu Januari hingga Mac 2015 masing-masing sebanyak RM3.627 bilion dan RM1.541 bilion.